

Anak Waris tunggu keputusan Dewan

SEREMBAN, Isnin — Anak-anak Waris Negeri di Darat dan di Air, Luak Sungai Ujong, dijangka menumpukan sepenuh perhatian kepada keputusan mesyuarat Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan yang berlangsung di Istana Besar, Seri Menanti, esok.

Berita Harian difahamkan mesyuarat pagi esok dijangka merumuskan satu jalan penyelesaian yang menyeluruh, adil dan saksama terhadap krisis perantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10, yang sudah berlarutan sejak lebih tiga tahun lalu.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku pengerusi dewan dan turut dihadiri oleh semua ahli dewan termasuk Undang Luak Jelebu, Johol dan Rembau, Tunku Besar Tampin serta Datuk Shahbandar, Shahari Haji Hassan.

Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad akan turut menghadiri mesyuarat itu

Oleh BUSTAMAM AHMAD

selaku salah seorang ahli *ex-officio* dewan.

Menteri Besar dijangka membentangkan satu laporan lengkap mengenai krisis perantikan Datuk Kelana ke-10 bagi membolehkan ahli-ahli dewan mencari penyelesaian.

Laporan itu adalah berdasarkan kepada perbincangan yang sudah pun diadakan oleh Menteri Besar dengan tiga Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong pada penghujung tahun lalu.

Tiga Lembaga berkenaan diketuai oleh Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin selaku Tua Lembaga Waris di Darat dan Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong.

Dua lagi Lembaga berkenaan ialah Datuk Seri Maharaja Diraja Azman Jamlus selaku Tua Lembaga Waris di Air dan Datuk Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah.

Berita Harian juga difahamkan bahawa laporan itu akan turut mengandungi beberapa syor

dari Kerajaan Negeri Sembilan ke arah menamatkan krisis itu, yang bermula sejak kematian Undang Ke-9, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 28 Oktober 1983.

Satu perkara yang dijangka menarik perhatian semua pihak esok ialah soal sama ada dewan akan mengiktiraf perantikan Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak sebagai penyanggah pesaka Datuk Kelana ke-10.

Raja Abdul Rahim dilantik sebagai penyanggah pesaka Datuk Kelana ke-10 dalam satu istiadat yang ditaja oleh Datuk Fadzil di Telaga Undang Pantal, dekat sini pada 8 Mac tahun lalu.

Sistem

"Jika dewan memutuskan untuk merestui perantikan Raja Abdul Rahim, maka isu itu akan dianggap selesai oleh sebilangan besar Anak-anak Waris daripada kedua-dua cerak itu.

"Jika dewan memutuskan sebaliknya, maka ia perlu mengeluarkan satu garis panduan yang mengandungi cara-cara untuk mengatasi krisis itu daripada berlanjutan, yang sudah pasti akan menjejaskan sistem pentadbiran Adat Perpatih serta jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan keseluruhannya," kata satu sumber tertinggi adat.